



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***MAKNA TERSIRAT DALAM TAJUK BERITA AKHBAR TEMPATAN***

**FARIS FAKHIRA BINTI TAURAN**

**FBMK 2021 48**



**MAKNA TERSIRAT DALAM TAJUK BERITA AKHBAR TEMPATAN**

Oleh

**FARIS FAKHIRA BINTI TAURAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Januari 2020**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **MAKNA TERSIRAT DALAM TAJUK BERITA AKHBAR TEMPATAN**

Oleh

**FARIS FAKHIRA BINTI TAURAN**

**Januari 2020**

**Pengerusi : Profesor Madya Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Penghasilan sesebuah tajuk berita yang menarik adalah disebabkan pemilihan perkataan yang tepat, ringkas, dan jelas maknanya. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian tajuk berita ditulis dengan menggunakan perkataan yang mempunyai makna tersirat. Keadaan ini secara tidak langsung akan menyukarkan pembaca untuk memahami tajuk berita yang dipaparkan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kata yang mempunyai makna tersirat, menganalisis makna tersirat dan merumuskan makna tersirat yang digunakan dalam tajuk berita akhbar. Di samping itu, kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang dihuraikan secara deskriptif dan menggunakan kaedah analisis kandungan sebagai kaedah kajian. Selain itu, kajian ini telah memilih akhbar Utusan Malaysia sebagai data kajian. Data ini dikumpul bermula dari 2 April 2018 sehingga 31 Mei 2018. Berita yang dipilih dalam kajian ini ialah berita yang berkaitan dengan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang mempunyai makna tersirat. Setiap data yang dikumpul akan dikategorikan mengikut tiga jenis bentuk kata, iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Seterusnya, data-data ini akan dianalisis dengan menggunakan Teori Semiotik yang diperkenalkan oleh Charles Williams Morris (1971). Teori ini mempunyai tiga bahagian iaitu sintagmik, semantik dan pragmatik. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa terdapat 48 tajuk berita yang mempunyai makna tersirat. 15 tajuk berita terdiri daripada kata tunggal, 5 tajuk berita ialah kata terbitan dan 28 tajuk berita ialah kata majmuk. Tambahan pula, hasil analisis data juga menunjukkan bahawa tajuk berita pilihan raya ini banyak menggunakan kata majmuk berbanding dengan kata tunggal dan kata terbitan. Selain itu, perkataan yang mempunyai makna tersirat bukan sahaja dapat menarik perhatian pembaca tetapi juga sebagai cara untuk menyampaikan maklumat secara sopan atau sebagai sindiran. Penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat akan menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan kepada pembaca tidak dapat disampaikan dengan tepat dan jelas. Justeru, kajian ini akan dapat merungkaikan makna tersirat yang terdapat dalam tajuk berita Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Abstract of this thesis is presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia as a fulfilment of requirement for the degree of Master of Arts

## **IMPLIED MEANING IN LOCAL NEWSPAPER HEADLINES**

By

**FARIS FAKHIRA BINTI TAURAN**

**January 2020**

**Chairman : Associate Professor Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**  
**Faculty : Modern Language and Communication**

The interesting headline is determined by the selection of the right word, concise and clear. However, there are some headline written using words with implied meaning. This will indirectly make readers difficult to understand the headline that have being displayed. This study aims to identify implied words form, analyse implied meanings and formulate the implied meanings that used in headline. Moreover, this study was conducted by using a qualitative approach that described in descriptively and used the content analysis method as the research method. Furthermore, headline in the Utusan Malaysia have been picked as the data for this study. The data are collected from April 2, 2018 to May 31, 2018. The selected headline are related to the 14<sup>th</sup> General Election (GE-14) which had implied meanings. The collected data are categorized based on three types of word forms, there are single words, derivative words and compound words. Moving on, these data are analysed by using Semiotic Theory by Charles Williams Morris (1971). This theory consist of three section, which is syntactics, semantics and pragmatics. The results shown that there are 48 headlines are with implied meaning. 15 headline consist of single word, 5 headline are derivative word and 28 headline are compound word. Furthermore, the results have proved that the news headline of this General Election used more of compound words than a single word and derivative word. Besides that, the words that have implied meanings not only attract the reader's attention but also as a way to convey information in politely or as satire. The usage of words that have implied meanings will cause the information became inaccuracy and unclearly. Thus, this study will be able to unravel the implied meaning contained in the 14<sup>th</sup> General Election (GE-14) headline.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah rahmat dan izin-Nya saya dapat menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin. Nikmat kesihatan yang dikurniakan turut membantu saya untuk terus memberikan tumpuan yang baik dalam menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia tesis saya iaitu Prof. Madya. Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat serta meluangkan banyak masa dalam membantu saya untuk menyiapkan kajian ini. Bantuan yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu saya untuk memperbaiki kajian ini dari semasa ke semasa supaya menjadi lebih baik. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Penghargaan juga saya berikan kepada ahli keluarga saya yang banyak memberi sokongan dan bantuan ketika saya memerlukan. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat saya yang banyak memberi sokongan, bantuan dan tunjuk ajar dalam usaha menyiapkan kajian ini. Segala bantuan yang diberikan amat saya hargai. Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat termasuklah pensyarah, kakitangan fakulti dan pihak pengurusan yang turut terlibat membantu saya dan memudahkan urusan saya dalam menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Diharapkan tesis ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada para penyelidik dan pencinta ilmu.

Sekian, terima kasih.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli jawatankuasa penyeliaan adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma binti Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Nor Azuwan binti Yaakob, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Mac 2021

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Faris Fakhira binti Tauran, GS48467



## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

\_\_\_\_\_  
Profesor Madya  
Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Tandatangan:  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

\_\_\_\_\_  
Pensyarah Kanan  
Dr. Nor Azuwan binti Yaakob

## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xi
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Perkembangan Akhbar Sepintas Lalu	3
1.3 Sejarah Teori Semiotik	4
1.4 Pernyataan Masalah	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Persoalan Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.7.1 Masyarakat	7
1.7.2 Pihak Penerbitan Akhbar	7
1.7.3 Penulis Berita Akhbar	8
1.7.4 Pengkaji	8
1.8 Skop Kajian	9
1.9 Definisi Operasional	10
1.9.1 Makna Tersirat	10
1.9.2 Tajuk Berita	10
1.9.3 Akhbar Tempatan	11
1.10 Kesimpulan	11
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	<b>12</b>
2.1 Pengenalan	12
2.2 Kajian tentang Makna Tersirat	12
2.3 Kajian tentang Akhbar	17
2.4 Kajian tentang Teori Semiotik	23
2.5 Kesimpulan	26
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>27</b>
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.3 Teori	27
3.3.1 Teori Semiotik	28
3.3.2 Kerangka Teori Semiotik	30
3.4 Kerangka Konseptual	31
3.5 Kaedah Kajian	31

3.5.1	Kedah Analisis Kandungan	32
3.6	Bahan Kajian	32
3.7	Prosedur Kajian	32
3.7.1	Pengumpulan Data	33
3.7.2	Penganalisan Data	33
3.8	Kesimpulan	33
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>34</b>
4.1	Pengenalan	34
4.2	Bentuk Kata yang Mempunyai Makna Tersirat dalam Tajuk Berita Akhbar Utusan Malaysia	34
4.2.1	Kata Tunggal	34
4.2.1.1	Kata Tunggal yang Mempunyai Makna Tersirat	35
4.2.2	Kata Terbitan	36
4.2.2.1	Kata Terbitan yang Mempunyai Makna Tersirat	36
4.2.3	Kata Majmuk	37
4.2.3.1	Kata Majmuk yang Mempunyai Makna Tersirat	37
4.3	Makna Tersirat Tajuk Berita Akhbar Utusan Malaysia	39
4.3.1	Kata Tunggal	39
4.3.2	Kata Terbitan	50
4.3.3	Kata Majmuk	54
4.4	Rumusan Makna Tersirat Tajuk Berita Akhbar Utusan Malaysia	67
4.5	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	70
4.6	Kesimpulan	71
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>72</b>
5.1	Pengenalan	72
5.2	Rumusan	72
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	76
5.4	Cadangan Kajian Selanjutnya	77
5.5	Penutup	78
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>80</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>87</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>96</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>97</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka surat</b>
1	Tajuk Berita yang Mempunyai Kata Tunggal Makna Tersirat	35
2	Tajuk Berita yang Mempunyai Kata Terbitan Makna Tersirat	36
3	Tajuk Berita yang Mempunyai Kata Majmuk Makna Tersirat	37

## SENARAI SINGKATAN

UM	Utusan Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
(PRU-14)	Pilihan Raya Umum ke-14
BN	Barisan Nasional
PH	Pakatan Harapan
PKR	Parti Keadilan Rakyat
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
PAS	Parti Islam Se Malaysia
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Makna perkataan berkemungkinan untuk kekal, berubah, menyempit, meluas atau menghilang kerana sifat bahasa ialah berkembang dan hidup (Darwis Harahap, 1994). Apabila pembaca dapat memahami maklumat yang disampaikan, pembaca akan mengambil tindakan positif atau negatif terhadap maklumat yang diterima. Tindakan positif adalah seperti mengambil langkah berjaga-jaga, sebagai peringatan dan pengajaran. Tindakan negatif akan dilakukan apabila pembaca tidak berpuas hati terhadap berita yang disiarkan. Tindakan negatif yang pernah dilakukan oleh pembaca adalah dengan memboikot akhbar tersebut dan menyerang kenderaan milik syarikat akhbar kerana banyak menyiarkan berita yang berat sebelah kepada pihak tertentu (Wan Maharuddin, 1999).

Menurut Palmer (1976) kata merupakan salah satu daripada unit asas dalam semantik. Hal ini kerana setiap perkataan yang dipilih untuk penghasilan sesebuah ayat mempunyai makna yang tersendiri. Namun, terdapat juga perkataan yang tidak mempunyai makna dalam kamus, sebagai contoh *itu*, *ini*, *bagi* dan *ia*. Perkataan ini merupakan perkataan yang tergolong dalam tatabahasa sahaja. Dalam pada itu, terdapat juga perbezaan makna antara penggunaan satu perkataan dengan dua perkataan yang digabungkan menjadi satu makna. Hal ini dapat dilihat menerusi perkataan yang mempunyai makna tersirat yang mewakili simpulan bahasa dan kata majmuk. Sebagai contoh, perkataan 'anak emas' membawa maksud anak yang paling disayangi (Kamus Simpulan Bahasa, 2016). Tetapi jika perkataan ini dipisahkan akan membawa makna yang berbeza, iaitu *anak* ialah manusia yang masih kecil dan perkataan *emas* bermaksud logam yang berwarna kuning yang berharga dan dibuat sebagai perhiasan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Justeru, setiap perkataan yang digunakan memainkan peranan yang penting dalam menggambarkan sesuatu makna.

Makna terbahagi kepada tujuh jenis iaitu konotatif, stilistik, afektif, refleksi, kolokasi dan tematik (Leech, 1996). Namun, makna yang difokuskan dalam kajian ini ialah makna tersirat. Penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat adalah lebih sukar untuk difahami berbanding dengan perkataan yang mempunyai makna tersurat atau makna harfiah. Hal ini kerana perkataan yang mempunyai makna tersirat digunakan untuk merujuk kepada makna yang tersembunyi dan sukar untuk difahami. Menurut Noor Azmira Mohamed (2015), perkataan yang mempunyai makna tersirat mengandungi makna yang berlainan dengan makna yang terdapat dalam teks atau linguistik. Makna tersirat ini adalah bergantung kepada niat seseorang dan faktor-faktor luar semasa menggunakan perkataan tersebut. Antara faktornya ialah faktor intonasi, tujuan perkataan atau ayat tersebut diujarkan dan melihat konteks atau situasi semasa perkataan tersebut digunakan.

Seterusnya, menurut Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin (2016), komunikasi dengan menggunakan perkataan yang mempunyai makna tersirat sukar untuk difahami kerana mempunyai unsur yang tersembunyi. Hal ini menyebabkan penyampaian komunikasi sama ada secara lisan mahupun tulisan tidak dapat disampaikan dengan berkesan kepada pembaca. Keadaan ini juga turut berlaku dalam penulisan berita akhbar yang menggunakan perkataan yang mempunyai makna tersirat. Hal ini dapat dilihat menerusi tajuk berita akhbar masa kini yang turut menggunakan perkataan yang mempunyai makna tersirat sebagai salah satu cara untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca.

Dalam pada itu, penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat ini mempunyai kelebihan dan kelemahan. Kelebihan penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat ialah menyampaikan sesuatu nasihat atau teguran secara berlapik atau tersembunyi supaya tidak menguris hati orang yang dituju (Junaini Kasdan, 2016). Manakala, kelemahan menggunakan perkataan tersirat ini ialah sukar untuk memahami makna yang ingin disampaikan. Hal ini boleh berlaku kepada masyarakat yang tidak terdedah dengan perkataan yang mempunyai makna tersirat. Justeru itu, penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat ini akan menghalang masyarakat untuk memahami maklumat yang disampaikan kerana tidak semua masyarakat dapat memberikan tafsiran yang baik terhadap sesuatu perkataan yang mempunyai makna tersirat.

Kewujudan ayat yang mengandungi makna tersirat pada tajuk berita mampu menimbulkan pelbagai makna kepada masyarakat (Suhardi Abdullah, 2013). Hal ini kerana masyarakat akan membuat andaian mereka sendiri dalam usaha untuk memahami makna dibalik perkataan yang digunakan. Perbezaan taraf pendidikan dan latar belakang keluarga boleh menyebabkan pembaca tidak dapat memahami atau kurang memahami makna dibalik perkataan yang digunakan. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan kepada masyarakat tidak dapat disampaikan dengan tepat dan berkesan. Oleh itu, penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat sebagai tajuk berita akhbar seharusnya dipertimbangkan semula sebelum berita ini disiarkan kepada masyarakat.

Selain itu, perkataan yang mempunyai makna tersirat biasanya digunakan dalam peribahasa dan simpulan bahasa. Penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat ini adalah sebagai salah satu cara untuk memberi sindiran, pesanan, pengajaran dan sebagainya (Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani, & Rohaidah Haron, 2018). Namun, akibat perkembangan bahasa dan cara penggunaannya perkataan yang mempunyai makna tersirat juga digunakan dalam pelbagai bentuk penulisan seperti iklan produk kecantikan dan kesihatan, judul buku dan tajuk berita. Penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat di dalam tajuk berita akhbar adalah salah satu cara untuk menarik perhatian pembaca untuk membaca dengan lebih mendalam mengenai isu yang terdapat dalam berita tersebut. Justeru itu, tajuk berita yang menarik akan menjadi perhatian utama pembaca berbanding dengan berita-berita yang lain.

Di samping itu, bahagian utama akhbar yang paling mendapat perhatian pembaca ialah tajuk berita yang ditulis. Tajuk berita yang baik haruslah menarik, ringkas, padat dan mencerminkan keseluruhan isi berita (Ratna Juwita, 2018). Hal ini kerana tajuk berita yang ditulis akan menggambarkan berita yang hendak disampaikan. Menurut Siti Jubei (2018), tajuk merupakan pintu informasi awal, ringkas dan mewakili berita yang dipaparkan. Di samping itu, menurut Murisa Ekawati & Asri Wijayanti (2017), pembaca tidak dapat memahami tajuk yang ditulis kerana pemilihan perkataan yang tidak tepat atau mempunyai makna yang kabur. Hal ini kerana perkataan yang dipilih mempunyai makna tersirat dan ini menyebabkan pembaca kurang memahami makna yang hendak disampaikan berdasarkan tajuk berita yang ditulis. Justeru, penggunaan bahasa dalam tajuk berita akhbar seharusnya lebih jelas dan mudah difahami oleh pembaca.

Seterusnya, menurut Dwi Laksim Karengga Ruci (2012), akhbar merupakan media penyebar maklumat yang seharusnya mempunyai tajuk yang baik seperti pemilihan kata yang tepat pada tajuk, isi tajuk yang mencakupi dan struktur tatabahasa yang baik. Hal ini demikian kerana penggunaan sesuatu perkataan pada tajuk berita amat penting dalam menghasilkan sebuah tajuk berita yang baik dan menarik. Namun, tidak semua penulis berita akhbar mampu memilih perkataan yang tepat dalam penghasilan sesebuah tajuk berita akhbar kerana menghadapi kekangan masa. Keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong mereka untuk menggunakan istilah mereka sendiri dalam menulis tajuk berita. Hal ini turut diperkatakan oleh Li, Zhang & Du (2014) bahawa penulis berita kerap mencipta perkataan mereka sendiri kerana mereka tidak menjumpai perkataan yang sesuai bagi berita yang ditulis. Oleh itu, penciptaan perkataan sendiri juga turut mendorong kepada penghasilan perkataan baharu yang tidak sinonim dengan kehidupan masyarakat dan sudah pasti masyarakat tidak dapat memahami maknanya.

## **1.2 Perkembangan Akhbar Sepintas Lalu**

Di Malaysia, akhbar mula diperkenalkan sejak abad ke-19. Akhbar merupakan media penting dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat (Shahrul Nazmi Sannusi & Ong Yi Min, 2016). Percetakan akhbar dari zaman dahulu sehingga kini telah menunjukkan bahawa akhbar merupakan alat komunikasi yang menjadi pilihan dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat. Peredaran zaman dari semasa ke semasa telah menyebabkan perkembangan kepada dunia percetakan akhbar. Hal ini secara tidak langsung telah menambah pelbagai jenis akhbar yang mempunyai pelbagai bahasa, seperti bahasa Melayu, Mandrin, Tamil dan Inggeris. Justeru, dalam kajian ini akhbar yang dipilih untuk dijadikan sebagai bahan kajian ialah akhbar Utusan Malaysia (UM).

Akhbar Utusan Malaysia (UM) merupakan akhbar harian yang dicetak pada setiap hari Isnin sehingga Sabtu. Pada peringkat awal akhbar ini dikenali sebagai akhbar Utusan Melayu pada tahun 1939 dan kemudiannya ditukarkan kepada akhbar Utusan Malaysia pada tahun 1967. Akhbar UM merupakan salah satu akhbar perdana yang menjadi pilihan utama pembaca. Saiz akhbar ini adalah besar dan memanjang berbanding dengan akhbar berformat kompak yang lebih kecil. Namun, mulai bulan Mei 2018, saiz akhbar Utusan Malaysia telah berubah kepada berbentuk kompak seperti akhbar yang lain. Pada mulanya akhbar ini ditempatkan di Singapura, namun selepas kemerdekaan, syarikat ini



telah berpindah ke Kuala Lumpur. Akhbar ini bukan sahaja sebagai penyampai maklumat kepada masyarakat tetapi juga turut menyumbang kepada pembangunan politik, ekonomi dan sosial negara.

Seterusnya, pada tahun 1967, Kumpulan Utusan ini telah diiktiraf sebagai sebuah syarikat awam berhad di bawah Akta Syarikat yang dikenali sebagai Utusan Melayu (Malaysia) Berhad. Kejayaan yang seterusnya dapat dilihat pada tahun 1997, apabila pihak Kumpulan Utusan telah menceburi bidang multimedia dengan mencipta Utusan Malaysia *Online* yang merupakan akhbar dalam talian pertama di Malaysia. Akhbar dalam talian atau dikenali sebagai akhbar digital ini dapat dilayari menerusi laman web <http://www.utusan.com.my/>. Terdapat pelbagai ruangan akhbar disediakan, antaranya ialah berita, rencana, hiburan, perniagaan, sukan dan mega. Oleh itu, berita yang dikumpul menerusi akhbar ini ialah berita yang berkaitan dengan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang mempunyai makna tersirat sahaja.

### 1.3 Sejarah Teori Semiotik

Semiotik merupakan istilah Yunani iaitu “Semeion” yang bermaksud tanda. Sehubungan itu, Teori Semiotik ini ialah ilmu yang berkaitan dengan tanda dan segala yang berhubung dengan tanda. Tanda-tanda yang diberikan adalah bertujuan untuk menyampaikan sesuatu sehingga bersifat komunikasi (Sari Wulandari, 2010). Segala tingkah laku dan pertuturan manusia melibatkan sistem perlambangan. Menurut Mana Sikana (2001), semiotik merupakan kajian yang berkaitan dengan sistem perlambangan yang dicipta oleh manusia dalam kehidupan manusia. Perintis paling awal bagi Teori Semiotik ialah Plato dan Aristotle. Kemudian berlaku penolakan terhadap teori epistemologi Yunani yang telah menyebabkan penurunan semiotik sehingga abad ke-17 dibangkitkan semula oleh ahli falsafah Inggeris (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, 2007).

Pada abad ke-19 teori ini dikembangkan oleh dua orang tokoh yang mempunyai latar belakang yang berbeza iaitu Ferdinand De Saussure (1857-1913) dan Charles Sander Peirce (1839-1914). Ferdinand De Saussure merupakan seorang yang berbangsa Swiss. Beliau merupakan pakar dalam bidang linguistik dan menggunakan istilah semiologi bagi merujuk semiotik. Teori semiologi merupakan kajian terhadap bahasa yang berbentuk saintifik dan tidak seperti sebelumnya yang lebih kepada andaian dan hipotesis. Saussure menekankan terdapat dua aspek bagi sesuatu tanda, iaitu signifier dan signified. Signifier ialah tanda yang dapat mewakili sesuatu, manakala signified adalah tafsiran penerima terhadap tanda yang diterima.

Selain itu, semiotik menurut Peirce ialah pemikiran manusia menerusi tanda. Dalam semiotik, Peirce lebih menekankan logik dan falsafah berdasarkan tanda-tanda yang terdapat dalam masyarakat. Semiotik merupakan tanda yang melalui proses semiosis yang terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu *represent*, *object* dan *interpretant*. *Represent* terbahagi kepada tiga, iaitu *qualisign*, *sinsign* dan *legisign*. Peirce turut membahagikan *object* kepada tiga jenis tanda, iaitu ikon, indeks dan simbol. *Interpretant* tidak merujuk

kepada pentafsir, tetapi merupakan tanda yang wujud dalam fikiran selepas mengenal pasti tanda tersebut. *Interpretant* juga terbahagi kepada tiga jenis, iaitu *rheme*, *dicent sign* dan *argument*. Seterusnya, teori ini dikembangkan oleh Charles Williams Morris dan teori ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci menerusi bab tiga.

Dalam pada itu, terdapat juga tokoh-tokoh yang lain yang memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan teori ini, antaranya ialah Roland Barthes, Jonathan Culler dan Juri M. Lotman. Barthes berpendapat bahawa teori ini boleh disesuaikan dengan kajian yang berkaitan dengan bahasa dan sastera. Kajian yang berkaitan dengan semiotik ini bersifat luas dan sering dikaitkan dengan lambang atau tanda yang mempunyai makna tertentu. Culler pula mengkaitkan semiotik sebagai tanda yang dikaitkan dengan budaya dan bahasa dalam masyarakat. Manakala, Jurij M. Lotman melihat bahawa bahasa yang melahirkan tanda dan mempunyai perkaitan dengan perkara yang berada di luar teks.

Dalam semiotik, terdapat dua tokoh penting yang mengembangkan ilmu tanda iaitu Ferdinand de Saussure dan Charles Sanders Peirce. Kedua-duanya mengembangkan semiotik dengan cara yang tersendiri. Bagi Saussure, semiotik ialah ilmu yang berkaitan dengan tanda. Beliau melihat semiotik sebagai ilmu tanda yang mengkaitkan tanda dalam kehidupan masyarakat. Manakala menurut Peirce semiotik lebih ke arah logik. Selain itu, Peirce juga menghubungkan semiotik dengan doktrin formal tentang tanda-tanda. Di samping itu, semiotik turut berkembang kepada dua jenis iaitu semiotik komunikasi dan semiotik signifikasi. Semiotik komunikasi menekankan pengeluaran tanda yang terdapat pada enam faktor komunikasi. Semiotik signifikasi pula lebih tertumpu pada tanda dan pemahamannya berdasarkan konteks tertentu. Selain itu, semiotik signifikasi juga lebih mengutamakan pemahaman tanda berbanding dengan komunikasinya.

Seterusnya, dalam era pascamoden, semiotik dilihat sebagai pendekatan yang sudah lama. Walau bagaimanapun, semiotik seharusnya berubah dan disesuaikan mengikut peredaran zaman. Dalam pada itu, penggunaan pragmatik dalam pentafsiran sesuatu makna perlu dilakukan supaya mudah disesuaikan dengan konteks terkini. Hal ini kerana bahasa merupakan alat komunikasi yang membentuk sistem sosial. Setiap tanda yang diberikan makna perlu merujuk kepada konteks atau situasi ketika perkataan itu digunakan. Dalam era pascamoden ini, semiotik dianggap sukar untuk disesuaikan dengan karya kerana memerlukan petanda yang tepat. Namun, dapat juga dilihat bahawa penanda lebih diutamakan berbanding dengan petandanya. Keadaan ini seharusnya diperbaiki agar semiotik juga turut dilihat penting dalam era kini.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa semiotik memainkan peranan yang penting dalam penghasilan sesebuah karya bahasa dan sastera. Menerusi prinsip, kaedah dan konsep yang jelas dapat membantu perkembangan semiotik dan mampu untuk menarik perhatian penyelidik untuk meneliti pendekatan ini dalam sesebuah karya. Semiotik juga dapat dilihat menerusi bidang linguistik yang dapat membantu memberikan makna dalam sesebuah penulisan. Selain itu, dapat juga menyelesaikan masalah kekaburan

makna yang berlaku supaya lebih jelas dan mudah untuk difahami. Justeru, semiotik masih boleh diperkukuhkan walaupun sudah berada pada zaman pascamoden.

#### **1.4 Pernyataan Masalah**

Kebanyakan akhbar tidak menggunakan kata yang baik pada tajuk berita dan ini telah mengelirukan pembaca dalam memahami makna yang ingin disampaikan dalam berita tersebut (Ratna Juwita, 2018). Kekeliruan berlaku apabila terdapat sebahagian penulis berita yang lebih gemar menggunakan kata yang dicipta dan ini turut memberi kesan kepada masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat, namun tajuk beritanya tidak dinyatakan dengan jelas. Hal ini turut disokong oleh Afrilia Wulandari (2013), yang menyatakan bahawa kesalahan kata yang dilakukan dalam menulis tajuk berita ialah tidak menggunakan kata baku, malah menggunakan kata pertuturan seharian, kata yang diciptakan sendiri dan bahasa tiruan. Justeru itu, kajian ini akan dapat merungkaikan bentuk kata tersirat yang digunakan dalam tajuk berita Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Selain itu, menurut Suhardi Abdullah (2013), tidak semua lapisan masyarakat memahami tajuk berita yang mempunyai makna tersirat dan ini telah menimbulkan pelbagai makna yang kadangkala bertentangan dengan konteks masyarakat. Hal ini kerana perkataan yang mempunyai makna tersirat ini mempunyai makna yang tersembunyi dan tidak semua orang dapat memberikan tafsiran makna yang tepat pada perkataan tersebut. Sehubungan itu, perkataan yang dipilih untuk dijadikan sebagai tajuk berita akhbar seharusnya tepat dan jelas maknanya. Namun, penulis berita lebih banyak menggunakan perkataan mujarad atau abstrak yang tidak memberikan makna yang tepat (Faridah Ibrahim & Chau Pao Ling, 1997). Justeru itu, pemilihan kata yang tidak jelas maknanya termasuklah perkataan tersirat perlu dirungkaikan maknanya supaya pembaca dapat memahami tajuk berita yang dipaparkan dengan lebih tepat dan jelas.

Menurut Parimala Gunasekaran (2018), terdapat akhbar berbahasa Melayu yang mempunyai tajuk berita yang tidak lengkap dan mempunyai makna yang kabur. Keadaan ini boleh mengelirukan pembaca untuk memahami tajuk berita yang ditulis dan ini sekaligus menyebabkan pembaca tidak memperoleh maklumat yang diperlukan. Sehubungan itu, menerusi kajian ini akan dirungkaikan tujuan penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat ini sama ada sebagai cara untuk menarik perhatian, bahasa yang sopan, memberi sindiran dan sebagainya.

Oleh itu, permasalahan ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian makna tersirat dalam tajuk berita akhbar tempatan. Kajian ini bukan sahaja dapat melihat tajuk-tajuk berita yang menggunakan perkataan yang mempunyai makna tersirat, tetapi juga dapat merungkaikan makna tersirat dan tujuan penggunaannya dalam tajuk tersebut. Justeru, kajian ini akan dapat menjelaskan makna tersirat yang terdapat dalam tajuk berita Pilihan Raya Umum ke-14 supaya maknanya lebih jelas dan tidak kabur. Permasalahan ini akan dapat dirungkaikan menerusi objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

## **1.5 Objektif Kajian**

- 1) Menenal pasti bentuk kata yang mempunyai makna tersirat dalam tajuk berita akhbar Utusan Malaysia.
- 2) Menganalisis makna tersirat dalam tajuk berita akhbar Utusan Malaysia.
- 3) Merumuskan makna tersirat yang digunakan dalam tajuk berita akhbar Utusan Malaysia.

## **1.6 Persoalan Kajian**

- 1) Apakah bentuk kata yang mempunyai makna tersirat yang digunakan dalam tajuk berita akhbar Utusan Malaysia?
- 2) Apakah makna tersirat yang terdapat dalam tajuk berita akhbar Utusan Malaysia?
- 3) Mengapakah makna tersirat digunakan dalam tajuk berita akhbar Utusan Malaysia?

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Bahagian ini akan menjelaskan tentang kepentingan kajian kepada beberapa pihak iaitu masyarakat, penerbitan akhbar, 5 dan pengkaji. Kajian ini penting kepada pihak tersebut kerana mereka menggunakan akhbar setiap hari. Kepentingan kajian ini akan menjelaskan faedah yang akan dimiliki oleh pihak tersebut setelah dapat dirungkaikan perkataan yang mempunyai makna tersirat ini berdasarkan objektif kajian.

### **1.7.1 Masyarakat**

Kajian ini penting kepada masyarakat kerana masyarakat merupakan pembaca utama akhbar. Setiap hari masyarakat membeli akhbar atau melayari internet untuk membaca berita-berita terkini yang berlaku disekeliling mereka. Kajian ini dapat membantu masyarakat untuk memahami perkataan yang mempunyai makna tersirat yang digunakan dalam tajuk berita supaya maklumat yang ingin disampaikan kepada masyarakat dapat disampaikan dengan tepat dan jelas. Sehubungan itu, kajian ini juga penting kepada para pelajar kerana mereka juga menjadikan akhbar sebagai bahan bacaan. Penggunaan perkataan yang kurang baik dan makna yang kabur dalam penulisan berita akhbar akan menjejaskan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar.

### **1.7.2 Pihak Penerbitan Akhbar**

Kajian ini penting kepada syarikat penerbitan akhbar kerana menerusi kajian ini pihak penerbit dapat mengetahui tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penulis

berita. Hal ini secara tidak langsung akan mendorong pihak penerbitan akhbar untuk memastikan setiap berita yang ditulis menggunakan bahasa Melayu yang betul dan tajuk berita yang ditulis juga mudah difahami oleh pembaca. Bagi memastikan penulis berita ini menguasai bahasa Melayu dengan baik, pihak syarikat penerbitan boleh mengambil tindakan dengan menghantar penulis berita untuk mengikuti mana-mana kursus bahasa supaya dapat memperbaiki tahap penguasaan bahasa mereka. Hal ini bertujuan untuk memperbaiki penggunaan bahasa Melayu yang terdapat dalam akhbar supaya maklumat yang ingin disampaikan adalah tepat dan jelas kepada pembaca.

### **1.7.3 Penulis Berita Akhbar**

Kajian ini dapat membantu penulis berita akhbar dalam memperbaiki bentuk penulisan mereka supaya memilih perkataan yang sesuai untuk dijadikan sebagai tajuk berita. Selain itu, kajian ini penting kerana dapat memperlihatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penulis berita. Hal ini kerana terdapat beberapa tajuk berita yang mempunyai perkataan baharu dan perkataan ini dicipta bagi mewakili sesuatu makna. Pada masa yang sama, penulis berita juga akan mengetahui bahawa penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat di dalam tajuk berita akan menyukarkan pembaca untuk memahami berita yang disampaikan.

### **1.7.4 Pengkaji**

Kajian ini penting kepada pengkaji kerana kajian ini dapat menunjukkan perkataan yang mempunyai makna tersirat yang digunakan oleh penulis berita dalam menentukan tajuk berita bagi sesebuah akhbar yang disiarkan. Tambahan pula, menerusi kajian ini pengkaji akan dapat menjelaskan makna tersirat bagi sesuatu perkataan yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat untuk mentafsir sesuatu perkataan dengan lebih jelas supaya memperoleh makna yang tepat. Selain itu, kajian ini penting kepada pengkaji untuk memberi kesedaran kepada pihak penerbitan akhbar dan penulis berita agar dapat memperbaiki penggunaan bahasa Melayu dalam akhbar yang diterbitkan. Hal ini secara tidak langsung akan dapat membantu memperbaiki tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda masa kini kerana akhbar juga dibaca oleh para pelajar bagi mendapatkan maklumat.

Justeru, kajian ini dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada pengkaji tetapi juga kepada masyarakat, pihak penerbitan akhbar dan juga penulis berita supaya menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam menulis tajuk berita akhbar bukan sahaja dapat menyampaikan maklumat dengan tepat, tetapi juga dapat memudahkan pembaca untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan akhbar sebagai media penyebaran maklumat yang berkesan kepada masyarakat. Justeru, kajian ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan memartabatkan bahasa Melayu.

## 1.8 Skop Kajian

Kajian ini telah memilih akhbar arus perdana iaitu Utusan Malaysia (UM) sebagai bahan kajian. Sehubungan itu, data yang dikumpul ialah berita yang berkaitan dengan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) sahaja. Selain itu, berita mengenai PRU-14 dapat dikumpul menerusi ruangan Dalam Negeri dan Rencana. Bahan-bahan ini dikumpul menerusi akhbar bercetak dan laman sesawang Utusan *Online* iaitu <http://www.utusan.com.my/>. Sebanyak 52 naskhah akhbar telah dikumpul dan akhbar ini dikumpul pada setiap hari, kecuali hari Ahad kerana pada hari tersebut dikeluarkan akhbar Minggu Malaysia.

Seterusnya, bahan ini dikumpul selama dua bulan iaitu bermula dari 2 April 2018 sehingga 31 Mei 2018. Bahan ini dikumpul bermula dari bulan April kerana bulan April merupakan bulan berlakunya pembubaran parlimen, sebelum diadakan pilihan raya. Manakala, bulan Mei ini dipilih kerana dalam bulan tersebut berlakunya pilihan raya dan pertukaran kerajaan baharu. Sehubungan itu, banyak berita Pilihan Raya Umum (PRU) disiarkan sepanjang dua bulan ini. Di samping itu, berita mengenai PRU ini dipilih sebagai bahan kajian kerana berita mengenai PRU ini merupakan berita yang sering mendapat liputan hangat dan hanya dapat dilihat 5 tahun sekali. Dalam pada itu, berita berkaitan politik ini melibatkan masa depan negara yang seharusnya diberi perhatian masyarakat dalam memilih parti yang layak untuk memimpin negara. Justeru, keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong pengkaji untuk menggunakan bahan ini sebagai bahan kajian.

Seterusnya, perkataan yang mempunyai makna tersirat yang terdapat pada tajuk berita akhbar perlu dikaji dan diselesaikan kerana perkataan yang digunakan tidak memberi makna yang jelas kepada pembaca. Hal ini turut diperkatakan oleh Mohd Hazreen Shah Hassan & Sharil Nizam Sha'ri (2019) bahawa penulisan berita juga menggunakan perkataan yang tidak jelas sehingga menggelirukan pembaca. Keadaan ini secara tidak langsung menarik perhatian pengkaji untuk mengkaji makna tersirat yang terdapat pada tajuk berita akhbar. Dalam kajian ini terdapat tiga bentuk kata yang akan dipilih iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Justeru, pemilihan kata yang mempunyai makna tersirat bagi tajuk berita ini hanya tertumpu pada tajuk yang menyiarkan berita Pilihan Raya Umum ke-14 dalam tempoh masa yang telah ditetapkan sahaja.

Dalam pada itu, kajian ini telah memilih bidang semantik dan pragmatik sebagai aspek yang akan dikaji. Bidang semantik dipilih kerana untuk melihat makna harfiah perkataan tersebut dan bidang pragmatik dipilih untuk melihat makna tersirat disebalik perkataan tersebut. Sehubungan itu, bagi data yang mempunyai makna tersirat akan dapat dikesan melalui tajuk yang kurang sesuai atau tidak menggambarkan isu yang terdapat dalam berita, tajuk yang mempunyai tanda petik tunggal dan tajuk yang dihitamkan (bold) sama ada keseluruhan tajuk atau pada perkataan tertentu sahaja.

## **1.9 Definisi Operasional**

Bahagian definisi operasional akan menerangkan definisi yang berkaitan dengan kajian iaitu makna tersirat, tajuk berita dan akhbar tempatan. Pemberian definisi ini adalah berdasarkan konteks kajian yang dijalankan. Selain itu, definisi operasional ini juga akan dapat membantu untuk memahami dan menggambarkan kajian ini dengan lebih jelas.

### **1.9.1 Makna Tersirat**

Dalam konteks kajian ini makna tersirat ialah perkataan yang mempunyai makna yang tersembunyi. Perkataan yang mempunyai makna tersirat ini tidak jelas maknanya dan boleh mengelirukan pembaca untuk memahami perkataan digunakan. Hal ini kerana pembaca berkemungkinan tidak mengenali dan memahami perkataan yang mempunyai makna tersirat tersebut. Dalam kajian ini, perkataan yang mempunyai makna tersirat dapat dilihat menerusi tajuk berita akhbar, terutamanya berita yang berkaitan dengan Pilihan Raya Umum (PRU). Hal ini kerana tajuk berita yang dipaparkan tidak menggambarkan isu yang terdapat dalam berita tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung akan menimbulkan kekeliruan kepada pembaca mengenai maklumat yang ingin disampaikan. Selain itu, perkataan yang mempunyai makna tersirat juga akan dilihat dari segi bentuk kata yang digunakan iaitu kata tunggal, kata terbitan dan kata majmuk. Justeru, dalam penyampaian berita yang berkesan adalah bergantung kepada perkataan yang digunakan sama ada dapat menyampaikan maksud yang sebenar ataupun tidak kepada pembaca.

### **1.9.2 Tajuk Berita**

Dalam konteks kajian ini tajuk berita ialah ruang yang ditulis bagi memaparkan isu-isu yang berlaku. Tajuk berita merupakan bahagian yang paling utama dilihat oleh pembaca apabila membaca akhbar. Selain itu, tajuk berita yang baik akan dapat memberikan gambaran keseluruhan berita yang ditulis. Tajuk berita juga haruslah ringkas, tepat, padat dan sesuai dengan berita yang disampaikan. Penulisan tajuk yang terlalu panjang akan membuatkan pembaca hilang fokus terhadap maklumat utama yang ingin disampaikan. Kebiasaannya tajuk berita ditulis dengan menggunakan tulisan yang besar bagi berita yang ditulis di ruang utama. Terdapat juga tajuk berita yang ditulis dengan warna yang berbeza-beza bagi menekankan kata yang penting dalam berita yang hendak disampaikan. Selain itu, terdapat juga akhbar yang menggunakan tanda petik tunggal dan huruf yang dihentikan (Bold) dalam tajuk berita yang ditulis sama ada pada keseluruhan tajuk atau pada perkataan tertentu sahaja. Hal ini bertujuan untuk menunjukkan perkataan tersebut mempunyai makna tersirat dan ditekankan dalam berita tersebut. Justeru, tajuk berita memainkan peranan yang penting dalam penyampaian maklumat yang berkesan kepada pembaca.

### **1.9.3 Akhbar Tempatan**

Dalam konteks kajian ini akhbar tempatan ialah akhbar yang memaparkan isu-isu yang berlaku di dalam dan luar negara. Terdapat dua jenis akhbar, iaitu akhbar bercetak dan akhbar digital atau elektronik. Akhbar elektronik ini ialah akhbar yang boleh diakses secara dalam talian. Di Malaysia terdapat pelbagai jenis akhbar yang dijadikan sebagai bahan bacaan. Hal ini termasuklah akhbar yang berbahasa Melayu, Mandrin, Tamil dan Inggeris. Di dalam kajian ini akhbar tempatan yang dipilih ialah Utusan Malaysia. Akhbar ini merupakan akhbar arus perdana yang sering mendapat perhatian pembaca. Selain itu, berita yang dipilih menerusi akhbar ini hanya tertumpu pada berita yang berkaitan dengan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) sahaja. Oleh itu, akhbar tempatan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada akhbar Utusan Malaysia dan berfokus kepada berita PRU-14 sahaja.

### **1.10 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab ini telah menerangkan latar belakang kajian sehingga ke bahagian definisi operasional. Hal ini sediki sebanyak dapat menggambarkan kajian makna tersirat dalam tajuk berita akhbar tempatan yang akan dijalankan. Penggunaan perkataan yang mempunyai makna tersirat di dalam tajuk berita akhbar dilihat kurang sesuai dan seharusnya diberi perhatian agar masalah ini dapat di atasi. Hal ini secara tidak langsung akan dapat membantu masyarakat untuk memperoleh maklumat dengan lebih berkesan. Oleh itu, kajian ini akan dapat merungkaikan makna tersirat yang terdapat dalam tajuk berita supaya memperoleh makna yang lebih jelas. Bab seterusnya akan membincangkan tentang kajian-kajian terdahulu yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang akan dijalankan.



## BIBLIOGRAFI

- Ali Romdhoni.(2016). Semiotik Morris dan Tradisi Penafsiran AlQur'an:Sebuah Tawaran Tafsir Kontekstual. *Al-A'raf, Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*, 13(2):149-166.
- Afrilia Wulandari. (2013). Analisis Kesalahan Penggunaan Diksi Pada Tajuk Rencana Harian Haluan Kepri Edisi April dan Mei 2013. *Jurnal Umrah*. Diakses daripada <https://jurnal.umrah.ac.id/wp-content/uploads/2013/08/AFRILIA-WULANDARI-090388201011.pdf>
- Agu, I. E. (2005). A Linguistic-Stylistic Analysis of Newspaper Reportage. *International Journal of Research in Humanities and Social Studies*, 2(8): 20-27.
- Ahmad Harith Syah Md. Yusuf. (2008). *Fungsi Makna Imbuhan Awalan peN-: Satu Analisis Teori Relevans*. (Tesis Ijazah Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Atiqah Sabardila. (2015). Proceedings The 1st University Research Colloquium: *Unsur Berita Pada Klausa Majemuk dalam Judul Berita*. Universiti Muhammadiyah Sukarta, Indonesia.
- B. R. Suryo Baskoro. (2014). Pargmatik dan Wacana Korupsi. *Jurnal Sastra Prancis*, 26(1): 74-83.
- Bambang Mudjiyanto & Emilisyah Nur. (2013). Semiotika dalam Metode Penelitian Komunikasi. *Jurnal Penelitian Komunikasi, Informatika dan Media Massa (PEKOMMAS)*, 16(1): 73-81.
- Che Abdullah Che Ya. (2011). Protes Sosial dalam Anum Ranum: Suara Hati Seorang Pengarang. *Jurnal Melayu*, 8: 133-151.
- Conboy, M. (2006). *Tabloid Britain: Constructing a Community Through Language*. London: Taylor & Francis.
- Darwis Harahap. (1994). *Binaan Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dwi Laksmi Karengga Ruci. (2012). Diksi dalam Judul-judul Berita Harian Lampu Hijau. *Jurnal SulukIndo*, 2( 2): 1-15.
- Fanny Indriawaty. (2008). *Asosiasi Pornografi Pembaca Terhadap Judul Berita Selebriti Harian Lampu Merah: Sebuah Tinjauan Semantis*. (Disertasi tesis Sarjana). Universiti Indonesia.

- Faridah Ibrahim & Chau Pao Ling. (1997). Analisis Semantik Objektiviti citra Ahli Politik Wanita Tempatan dan Antarabangsa. *Jurnal Komunikasi*, 13&14: 67-91.
- Fatin Rabiha Abdul Kadir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6: 13-24.
- Gorys Keraf. (1979). *Komposisi: Sebuah Pengantar Kemahiran Bahasa*. Jakarta: Nusa Indah
- Hani Karlina. (2017). Penggunaan Media Audio\_Visual untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Naskah Drama. *Jurnal Literasi*, 1(1):28-35.
- Hashim Musa & Ong Chin Guan. (1998). *Penghantar Ilmu Makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Henry Guntur Tarigan. (1995). *Pengajaran Semantik*. Bandung: Penerbit ANGKASA.
- Hoppy Nurjayati. (2014). *Analisis Penggunaan Singkatan Pada Judul Berita di Harian Jawa Pos Edisi Oktober- November 2014*. (Disertasi tesis Ijazah Sarjana). Universiti Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.
- Junaini Kasdan. (2016). *Unsur Asam dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif*. Seminar Meja Bulat “Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur”, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. September 2015.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2018). Refleksi Gastronomi dalam Komunikasi: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Komunikasi*, 34(1): 185-201.
- Kamarulzaman Kamdias. (2008, November 14). *Petitih untuk Perwakilan dan bakal pemimpin UMNO*. [Blog Pos]. Diakses daripada <http://kkamdias.blogspot.com/2008/11/petitih-untuk-perwakilan-dan-bakal.html>
- Kamarul Azmi Jasmi. *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kertas Kerja dibentangkan di Puteri Resort Melaka. Mac 2012.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* .(2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Malaysia Edisi Kedua*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Simpulan Bahasa*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karina Sofiananda Armaza Faraba, Nugraheni Setyaningrum dan Sumarlam.(2017). Pelepasan Subjek dan Predikat pada Judul-judul Berita Line News Populer. *Jurnal Pena Indonesia*, 3(1): 1-15.

- Lee Kuok Tiung, Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris. (2018). Propaganda dan Disinformasi: Politik Persepsi dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu*, 1-21.
- Leech, G.N. (1996). *English in advertising: A Linguistic Study of Advertising in Great Britain*. London: Longman.
- Li, Y., Zhang, D., & Du, W. (2014). A Case Analysis of Lexical Features in English Broadsheets and Tabloids. *International Journal of English Linguistics*, 4(4): 115-122.
- Liaw Yock Fang. (2011). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Mana Sikana. (2001). Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera. *Jurnal Bahasa*, 1(2): 193-212.
- Manzaidi Mohd Amin. (2020, Januari 27). Ibrahim Dakwa Putra Ubat Baharu Mampu Lawan 'Virus' DAP. *Malaysia Gazette*. Diakses daripada <https://malaysiagazette.com/2020/01/27/ibrahim-dakwa-putra-ubat-baharu-mampu-lawan-virus-dap/>
- Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Haji Ahmad, Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim (2016). Proceeding of ICECRS: *Slogan Iklan dalam Majalah: Yang Tersurat dan Tersirat*. Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Meiselina Irmayanti. (2014). Profesionalisme Jurnalis Media Online: Analisis dengan Menggunakan Semiotika Charles Morris. *Jurnal Komunikasi Indonesia*, 3(2): 141-149.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadlher Ahmad & Mohd Izzat Mohd Abd Shukur. (2018). Vektor Zika dan Teknik Kawalan Haiwan Perosak Menurut Perspektif Hadis. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah*, 14(1): 1-10.
- Mohd Hazreen Shah Hassan & Sharil Nizam Sha'ri. (2019). Analisis Kesalahan Penggunaan Bahasa dalam Rencana Akhbar. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 21(2): 55-71.
- Mohd Norashad Nordin & Tarmiji Masron. (2016). Analisis Ruang Hotspot Peyalahgunaan dadah di Malaysia: Kajian Kes Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. *Malaysia Journal of Society and space*, 12(5): 74-82.
- Mohd Zaini. (2016, Marc 31). Kenapa tiba-tiba dedak jadi popular. *Free Malaysia Today*. Diakses daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2016/03/31/kenapa-tiba-tiba-dedak-jadi-popular/>
- Morris, Charles. (1971). *Writings On The General Theory Of Signs*. Paris: Mouton & Co.

- MT Webmaster. (2019, April 12). TMJ Sindir Syed Saddiq Geng Pelangi. *Malaysia Today*. Diakses daripada <https://www.malaysia-today.net/2019/04/12/tmj-sindir-syed-saddiq-geng-pelangi/>
- Muda Mohd Noor. (2008, 26 Februari). UMNO: Sokongan Pengundi Naik. *Malaysiakini*. Diakses daripada <https://www.malaysiakini.com/news/78740>
- Muhammad Zuhair Zainal, Al-Amin Mydin & Ahmad Mahmood Musanif. (2018). Makna Penutur Bagi Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 34.(2): 243-262.
- Muin Abdul Majid. (2018, Mei 11). Dr. Mahathir, Seorang Tokoh yang Berjiwa Kental. *Malaysiakini*. Diakses daripada <https://www.malaysiakini.com/news/424208>
- Murisa Ekawati & Asri Wijayanti. (2017). *Ketaksaan Judul Berita dan Implikasinya Pada Pembaca*. Seminar Nasional Riset Inovatif, Indonesia. 2017.
- M.Supriyanto Wahyu U. (2014). *Kajian Semantik Penggunaan Hponim dan Hipernim Pada Judul Wacana dalam Koran Kompas Edisi September-Oktober 2013*. (Disertasi tesis Sarjana). Universiti Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.
- Nasron Sira Rahim. (2015, Mei 12). SIRI MISTERI: Kemaruk Cari Hantu. *BH Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/node/54293>
- Noor Azmira Mohamed. (2015). *Pemahaman Makna Tersirat dalam Interaksi Kanak-Kanak Prasekolah*. (Disertasi tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Mohd. Salleh. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12): “Tsunami” Politik Melayu?. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 35: 49-64.
- Nur Afiqah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Makna Implisit Bahasa Kiasan Melayu: Mempertalikan Komunikasi, Kognisi dan Semantik. *Jurnal Komunikasi*, 32(1): 311-334.
- Nurul Izzati Md. Mustafa, Adnan Jusoh, Khairi Arrifin, Nabir Abdullah & Mohd Kamal Kamaruddin. (2015). Penggunaan Tenaga Haiwan Sebagai Medium Pengangkutan dalam Masyarakat. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 3(2): 53-61.
- Palmer, F. R. (1976). *Semantics: A New Outline*. Cambridge: Cambridge University Press

- Parimala Gunasekaran. (2018). *Analisis Pembangkaian Tajuk Berita Jenayah dalam Bahasa Melayu dan Terjemahan ke Dalam Bahasa Tamil*. (Disertasi tesis Ijazah Sarjana). Universiti Malaya.
- Predeep Nambiar. (2018 April 14). Tsunami Melayu ‘terbalik’ Bakal Melanda, Kata Shabudin. *Free Malaysia Today*. Diakses daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/04/14/tsunami-melayu-terbalik-bakal-melanda-kata-shabudin/>
- Rahma Hidayati. (2016). Analisis Semantik Umum: Pemberitaan Teroris “Image Islam” Pada Majalah Tempo dan Sabili. *Jurnal Source Ilmu Komunikasi*, 2(2): 12-20.
- Ratna Juwita. (2018). *Analisis Penggunaan Kata Pada Judul Berita Tabloid Tabangun Aceh*. (Disertasi tesis Sarjana). Universiti Syiah Kuala, Indonesia.
- Restu Lestari, Benedictus Sudyana & Tutik Wahyuni. (2019). Fakta dan Opini dalam Teks Tajuk Rencana pada Surat Kabar Kompas. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(1): 1-10.
- Riri Ariyanti. (2019). Analisis Kesalahan Penggunaan Huruf Kapital, Tanda Baca dan Penulisan Kata pada Koran Mercusuar. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 4(4): 12-18.
- Rozdan Mazalan. (2018, Ogos 4). Sengatan Tebuan Penyebab Uban, Botak. *BH Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/lain-lain/2018/08/457727/sengatan-tebuan-penyebab-uban-botak>
- Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani, & Rohaidah Haron. (2018). Perubahan Fungsi dan Makna Peribahasa dalam Laman *Facebook*. *Jurnal Komunikasi*, 34(2). 354-373.
- Sari Wulandari. (2010). Bedah Logo Autocillin Teori Semiotika. *Jurnal Humaniora*, 1(2): 478-488.
- Sarlyn Esthy Andini Haning. (2016). *Pemakaian Konjungsi Pada Kolom Tajuk Surat Khabar Harian Jogja Edisi November 2015*. (Disertasi tesis Sarjana). Universiti Sanata Dharma, Indonesia.
- Sharul Azman Mohd Noah, Nazlena Mohamad Ali & Mohd Sabri Hasan. (2018). Penentuan Fitur bagi Pengekstrakan Tajuk Berita Akhbar Bahasa Melayu. *Jurnal of Language Studies*, 18(2): 154-167.
- Shahrul Nazmi Sannusi & Ong Yi Min. (2016). Strategi Pemilihan Berita Halaman Hadapan Akhbar Berbahasa Melayu dan Cina: Kajian Terhadap Berita Harian dan China Press. *Jurnal Melayu*, 15(1): 14-25.
- Sebelas ‘YB katak’ Setakat Ini. (2018, Mei 12). *Ismaweb*. Diakses daripada <https://www.ismaweb.net/2018/05/12/senarai-yb-katak-setakat-ini/>

- Siti Jubei. (2018). Patologi Bahasa Pada Judul Berita Surat Khobar Warta Kota. *Jurnal Deiksis*, 10(2): 181-191.
- Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuwan Yaakob dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Makna Siratan Bahasa Figuratif dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin. *Journal of Business and Social Development*, 5(2): 75-94.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. (2015). Hubungan Pembaca dan Berita dalam Akhbar Malaysia: Satu Analisis dari Perspektif Editor. *Malaysian Journal of Media Studies*, 17(2): 86-96.
- Suhardi Abdullah. (2013). Makna Pragmatis pada Judul Artikel Surat Khobar MALUT POST dan POSKO MALUT. *Kajian Linguistik*, 1: 91-105.
- Syakirah Rifa'in@Mohd Rifain, Mat Taib Pa dan Rosni Samah. (2018). Gaya Bahasa Amr Bagi Konteks Haji dalam Surah Al-Baqarah. *Gema Online Journal of Language Studies*, 18(2): 235-254.
- Syamsidah & Raja Masittah. (2014). Makna Tersurat dan Tersirat dalam Iklan di Radio Berdasarkan Teori Imej dalam Iklan Radio Berdasarkan Teori Imej. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 1: 65-75.
- Syed Umar Ariff & Rizanizam Abdul Hamid. (2018, Disember 13). Jangan kutip pemimpin 'katak'... *MyMetro*. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/12/403138/jangan-kutip-pemimpin-katak>
- Tatabahasa* Dewan Edisi Keempat. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2007). Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18(1): 157-171.
- Tri Kusnawati. (2014). Penggunaan Metode Task-Based Learning untuk Meningkatkan Keterampilan Menulis Mahasiswa. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 14(1): 93-108.
- Tun M Layak Dinobatkan 'Pelakon Terbaik'. (2018, April 25). *Mstar*. Diakses daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2018/04/25/tun-m-pelakon>
- Turiman Fachturahman Nur. (2013, Marc 15). *Analisis Semiotika Sebagai Metode Penelitian*. [Blog Pos]. Diakses daripada <http://rajawaligarudapanacasila.blogspot.com/2013/03/analisis-semiotika-sebagai-metode.html>
- Wan Faizal Ismayatim & Mohd Nazllie Zainul. (2018, Mei 7). 'Sabah Perlukan Kapal Besar, Bukan Kapal Layar'. *BH Online*. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/05/422236/sabah-perlukan-kapal-besar-bukan-kapal-layar>

- Wan Maharuddin. (1999). *Kredibili Akhbar Tempatan: Satu Analisis Mengenai Isu Politik Semasa*. (Disertasi tesis Master). Universiti Putra Malaysia.
- Wan Zainal Azman Wan Abdullah. (1995, Julai 8). *Bahaya Racun Serangga*. [Blog Pos]. Diakses daripada <http://www.prn.usm.my/index.php/archive-gallery/archive/168-bahaya-racun-serangga>
- Yosi Wulandari. (2014). Tajuk Rencana Harian Kompas dan Media Indonesia Mengupas Nasib TKI: Analisis Perbandingan Struktur Teks. *Jurnal Bahastra*, 32(1): 81-108.
- Yusri. (2016). *Ilmu Pragmatik dalam Perspektif Kesopanan Berbahasa*. Yogyakarta: Penerbit Deepublish.
- Zuhair Zainal Al-Amin Mydin & Ahmad Mahmood Musanif. (2018). Makna Penutur bagi Ujaran Tak Langsung dalam Skrip Drama Bahasa Melayu. *Jurnal Komunikasi*, 32 (2). 243-262.
- Zulkifli Jalil.(2018, Mar 21). Cah Keting Lagikah? *Utusan Online*.